# Face to face with Bapak Wandly Yazid

by Diana Yunos

Mungkin ramai yang hanya mengenali lagu "Gurindam Jiwa" gubahan karyawan muzik veteran, Pak Wandly Yazid. Ramai yang tidak tahu bahawa anak jati Minang yang berasal dari Bukit Tinggi, Indonesia. Beliau juga telah mencipta lagu dan muzik latar beberapa buah filem yang masih diminati ke saat ini.

Bagaimana mulanya, Pak Wandly Yazid mula berkarya dalam arena seni. Ianya, bermula dengan penghijrahan Pak pada tahun 1948. Dimana beliau telah mencipta nama beliau dengan bermula di Radio Singapura, diusuli dengan kewujudannya syarikat filem yang pertama. Iaitu syarikat filem "Nusantara Film Company". Apabila syarikat ini tutup, beliau mendapat tawaran dari "Keris Film". Setelah "Keris Filem" tutup beliau mendapat kesempatan dari Television Singapura dimana lagu-lagu ciptaan beliau telah diberi laluan ke Rancangan Television yang popular ketika itu iaitu "Pesta Pop".

Beliau menuntut di beberapa institusi pengajian muzik untuk mendalami pengetahuan beliau dalam bidang tersebut. Dimana beliau memulakan pembelajaran beliau di Studio Phillippines (pada ketika itu ianya terletak di belakang panggungwayang Cathay). Di studio inilah bermula dengan mengenali muzik secara teori dan praktikal. Manakala di malam beliau mengikuti "Bangsawan". Disinilah beliau mempelajari permulaan ilmu seni.

Pak Wandly Yazid juga, telah menubuhkan sebuah orkestra yang dinamakan "Orkestra Megawati", manakala ketika itu juga beliau diberi tawaran oleh penerbit rancangan Encik Yusoff Ahmad pada tahun 1954. Penyanyi yang mengiringi orkestranya ketika itu ialah Nona Asiah, Kamsani, Momok Latif, Abdullah Chik, Rosiah Chik, Jamaliah Shariff dan Sulaiman Idros. Rancangan ini telah dikeudarakan dua kali sebulan. Dalam rancangan ini Pak Wandly Yazid telah dipertanggungjawabkan untuk mengetuai orkestra selaku konduktor, menggubah dan menyusun enam buah lagu dalam setiap rancangan. Dimana dalam ianya terbahagi kepada dua kategori , "Lagu-lagu Asli" dan "Langgam". Manakala penulis lirik lagu kabanyakkan yang dicipta oleh beliau ialah Jalelawati. Di waktu malam pula, Pak Wandly membuat persembahan di "Night Club" dan "Lounge". Beliau tetap mempertingkatkan ilmu muziknya ketika waktu siang.

Peralatan alat muzik yang dimainkan oleh Pak Wandly Yazid ialah, saxaphone, clarinet, violin dan piano.



Bapak Wandly Yazid, 78 years old, is an accomplished musician and a sought after composer, producer, music arranger/orchestrator, music director and conductor.

Born in Bukit Tinggi, Indonesia, Pak Wandly Yazid came to Singapore in 1948. He studied music at several music schools, including the Philipplines Studio (which was located behind the Cathay cinema then). There he learned about music theory as well as music arrangements. While his days were spent attending music lessons, Pak Wandly Yazid was actively involved in the performing arena in the evening with "Malay Opera".

In 1954, Pak Wandly Yazid set up his own orchestra called "Orkestra Megawati". It was then when he got the offer from Radio Singapura to work with the late producer, Mr. Yusof Ahmad, and lyric writer, Jalelawati. A fornightly programme, Pak Wandly Yazid conduct, compose and arrange six songs for two segments, namely 'Lagu Asli' and 'Langgam' which introduces traditional and contemporary Malay songs respectively. Amongst the many singers he worked with were Nona Asiah, Kamsani, Momok Latif, Abdullah Chik and Rosiah Chik, Jamaliah Shariff and Sulaiman Idros.

Aside from his day job that allowed him to showcase his songwriting skill, Pak Wandly Yazid got to flaunt his showmanship in the evening. He performed regularly at lounges of the Seaview Hotel, Adelphi Hotel, and

Dalam waktu yang sama juga, Pak Wandly Yazid mendapat tawaran dari Nusantara Film Company. Ini adalah syarikat perfileman yang pertama yang ditubuhkan di Singapura. Beliau diberi tanggungjawab dalam memaparkan lagu dan muzik latar ciptaanya termaksuklah "Pacar Putih" dimana lagu temanya berjudul "Kembanglah Bunga" yang telah dinyanyikan oleh Nona Asiah, "Tjematry" adalah bahasa Indonesia - dimana memberi erti "pemukul" dan lagu tema dalam filem ini ialah "Dian", Pendeka Datuk nan Renceh, dan beberapa buah filem lain dalam tahun 1950-an.

Apabila, syarikat Nusantara Film Company tutup, beliau mendapat tawawan pula dari syarikat perfileman Cathay Keris. Antara filem-filem yang memaparkan lagu-lagu ciptaannya termasuk "Hang Jebat", "Lancang Kuning", "Jalak Lenteng", "Panglima Besi", "Kasih Ibu", "Pohon Sakti" dan beberapa buah filem-filem lainnya. Penyanyi yang telah menyanyikan lagu-lagunya ialah tidak asing lagi biduanita Saloma, Abdullah Chik, Rosiah Chik, R Ismail, Rafeah Buang, Jamaliah Sharif dan A. Karim.

Pada tahun 1961, beliau menubuhkan syarikat rakamannya sendiri, yang dinamakan "Mega Records". Beliau bertanggungjawab menerbitkan dua album penyanyi wanita. Mereka yang dimaksudkan ialah Erni Johan, penyanyi yang membawakan lagu Melayu bercorak moden, manakala seorang lagi ialah Mei Ling seorang penyanyi berbangsa Cina. Oleh kerana kegawatan, yang disebabkan oleh keadaan konfrontasi ketika itu, syarikatnya terpaksa dititup pada tahun 1963.

Dalam ketika itu juga, setelah tertubuhnya Radio Televsion Singapura (RTS), Pak Wandly Yazid diminta untuk menyiapkan lagu-lagu ciptaanya untuk dimainkan di rancangan hiburan secara "live". Rancangan itu diberi nama "Pesta Pop". Begitu juga rancangan-rancangan hiburan yang lainnya yang diterbitkan oleh RTS sendiri.

Setelah tamat perkhidmatannya di RTS, Pak Wandly Yazid, membuat persembahan di Hotel Lounge dan kini beliau masih aktif dengan menjadi guru muzik mengajar bermain, biola, piano klarinet dan saksafon. "Saya rasa perjuangan saya selama lebih empat dekat berbaloi" kata bapa kepada lima orang anak - empat daripadanya bergelar siswazah.

Katanya kepada pelapis atau generasi baru di abad ke 21 ini, untuk menjadi seorang penggubah lagu, ilmu adalah amat penting. Seseorang itu harus ada "foundation" atau ertikata lain asas dalam ilmu muzik. Pembelajaran ilmu muzik amat penting dalam menuju kejayaan dalam bidang hiburan khususnya. Begitu juga dengan disiplin pada diri sendiri dan kesungguhan dalam membuat perkerjaan itu sendiri. Selain dari ilmu, pengalaman juga penting. Ianya dapat memberi kebersaranan atau hasil perkerjaan yang bermutu. Padanya, walaupun seseorang itu mempunyai bakat tetapi tiada ilmu juga tidak boleh maju dan cabang ini. Manakala, pada pendapatnya pula, untuk menjadi seorang penulis lirik, seseorang itu harus mempunyai kekuatan dalam bahasa dan pengetahuan ilmu dalam Kesusasteraan Melayu. Begitu juga dengan dengan penguasaan bahasa dan tatasusilanya.

Kini sumbangan beliau, 78 tahun, dalam arena muzik tanah air sejak beliau bermastautin di Singapura dalam tahun 1947, mendapat pengiktirafan Persatuan Minangkabau Singapura (PMS). Beliau menerima anugerah "Jasawan Agung Minang" untuk tahun 2001 dalam majlis dwitahunan Halal-Bi-Halal yang diadakan di Hotel Westin Stamford pada tarikh 8hb April yang lalu. Anugerah itu telah disampaikan oleh tetamu terhormat, Setiausaha Parlimen (Perhubungan dan Teknologi Maklumat), Profesor Madya Yaacob Ibrahim.

Beliau juga pernah berkhidmat dalam jawatankuasa Majlis Seni Kebangsaan (NAC) dari 1999 hingga 2000 serta dalam Majlis Penasihat Persatuan Minangkabau Singapura dalam jangka masa yang sama.



Goodwood Park Hotel. Patrons of the lounges would probably remember seeing him performed on his saxophone, clarinet or violin.

And somehow, amidst his busy schedule, Pak Wandly Yazid managed to find time to study and upgrade himself. His continuous pursue of musical knowledge has made him one of the most successful songwriter of his time.

When the first film company in Singapore, 'Nusantara Film Company', was incorporated, Pak Wandly Yazid was offered the job to compose soundtracks for all its movie production.

He then moved on to 'Cathay Keris Film', for whom he composed more than ninety soundtracks, including those featured in the movie "Hang Jebat", "Lancang Kuning", "Jalak Lenteng", "Panglima Besi", "Kasih Ibu", and "Pohon Sakti" etc. His songs were sang by many popular singers including the late Abdullah Chik, Rosiah Chik, the late Saloma (P.Ramlee's wife), R. Ismail, Rafeah Buang, Jamaliah Sharif and A. Karim.

Pak Wandly Yazid set up his own recording company, "Mega Records" in 1961, at Change Alley, and produced albums for two female singers, namely, Ms Erni Johan (Malay singer - modern song) and Ms Mei Ling (Chinese singer). However, the company closed down in 1963, due to economy depression.

When Radio Television Singapura (RTS) was established, the station sought the help of Pak Wandly Yazid to arrange music pieces for its entertainment show 'Pesta Pop', a very popular entertainment programme in the early sixties, and several other variety shows.

Pak Wandly Yazid also provide private music lessons on piano and violin.

Unitl today, Pak Wandly Yazid is still very much involved in the music scene. He was a member of the National Arts Council from 1999 to 2000. Presently, he is the advisor for the Minangkabau Association of Singapore from whom he received the 'Jasawan Agung Minang' (Minang Excellent Service Award) earlier this year. The award was presented to him by Associate Professor Yaacob Ibrahim, Senior Parliamentary Secretary for the Ministry of Communications and Information Technology.

When asked about his view on the essential qualities of a good composer, Pak Wandly Yazid emphasize on the need to have a sound musical background, apart from talent. And to achieve that, one has to invest much time and efforts. Experience counts too when it comes to writing good compositions.

In addition, a lyricist should have good grammar, and well versed with Malay Literature, i.e. 'Kesusasteraan Melayu'.